

8-5-2024

Projek Air Perak-Pulau Pinang: Jamin kelangsungan bekalan air bersih - PBAPP



GEORGETOWN: Pelaksanaan Projek Air Perak-Pulau Pinang menjamin kecukupan bekalan air di negeri ini berikutan peningkatan permintaan yang dijangka mencecah 1,532 juta liter sehari (JLH) menjelang 2030 dan 1,844 JLH pada 2040.

Menyifatkan projek itu sebagai berita baik untuk Pulau Pinang dalam tempoh lima dekad, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) K Pathmanathan, berkata projek itu berupaya meningkatkan kapasiti bekalan air bagi menyokong kemajuan sosioekonomi, sekali gus meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.

"Pelaksanaan projek itu juga membolehkan air disalurkan terus kepada pengguna air di Seberang Perai Selatan (SPS) kerana air dari Perak akan dipam ke kawasan selatan tanah besar.

"Jadi, Projek Air Perak-Pulau Pinang akan menambah baik dan menstabilkan bekalan air untuk kira-kira 79,956 pengguna di SPS," katanya dalam kenyataan hari ini.

Pathmanathan berkata, sejak 51 tahun lalu Pulau Pinang telah menjadi sangat bergantung kepada Sungai Muda yang menjadi satu-satunya sumber menyalurkan air mentah ke negeri itu.

"Projek bekalan air utama terakhir dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Pulau Pinang ialah Skim Air Sungai Muda yang dibuka oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, pada tahun 1973.

"Dalam hal ini Pulau Pinang perlu segera meneroka sumber air utama yang kedua untuk memenuhi keperluan airnya dan memacu kemajuan sosioekonomi seterusnya menjelang 2030 dan sepuluh tahun kemudian," katanya.

Ahad lalu, media melaporkan, Anwar memaklumkan Perak bersetuju membekalkan air kepada Pulau Pinang melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian ke Seberang Perai dan perkara itu dipersetujui Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah dan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Pathmanathan berkata, pada ketika ini PBAPAA yang sedang melaksanakan Pelan Kontingensi Air 2030 bagi memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2030 dengan Projek Air Perak - Pulau Pinang amat penting dalam menjamin kecukupan bekalan selepas 2030.

Katanya, bekalan air dari Perak akan dipam ke kawasan selatan tanah besar akan menambah baik dan menstabilkan bekalan air untuk kira-kira 79,956 pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS).

Beliau berkata, penggunaan air di SPS dianggarkan sebanyak 182 JLH pada tahun lalu dengan permintaan air di daerah terbabit diunjurkan mencecah 285 JLH menjelang 2030.

"Apabila Projek Air Perak - Pulau Pinang dilaksanakan, ia akan membekalkan air terus ke SPS dan berkemungkinan PBAPP tidak perlu mengepam air dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU) ke SPS.

"Sehubungan itu, jumlah air terawat yang lebih tinggi daripada LRA Sungai Dua kemudiannya boleh disalurkan semula kepada kira-kira 491,153 pengguna air di SPU, SPT, Daerah Barat Daya dan Daerah Timur Laut," katanya.

Katanya, kos membeli air sungai yang dirawat secara konvensional adalah lebih rendah berbanding projek penyahgaraman air laut atau mengitar semula air sisa di Pulau Pinang.